

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 17 JULAI 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Minta TUDM benih awan	Harian Metro
2.	Amaran angin kencang, laut bergelora berterusan berikutan Taufan Rammasun	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 32  
TARIKH: 17 JULAI 2014 (KHAMIS)**

## **Minta TUDM benih awan**

**Shah Alam:** Kerajaan negeri akan memohon perkhidmatan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi menjalankan operasi pembenihan awan pada skala yang lebih besar supaya kapasiti air di empangan dapat ditingkatkan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, kerajaan negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bekalan Air akan bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai perkara itu.

Beliau berkata, sehingga kini, kerajaan negeri masih lagi menunggu maklum balas daripada MKN mengenai perkara berkenaan dan berharap ia dapat dilakukan mengikut kesesuaian dan nasihat Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM).

"Terdapat penurunan bagi kapasiti air antara 0.81 hingga 3.42 peratus di semua empangan disebabkan cuaca semasa yang panas dan kering serta ketiadaan hujan di kawasan tадahan air," katanya.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 JULAI 2014 (KHAMIS)**



## **Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan Berikutan Taufan Rammasun**

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Amaran angin kencang dan laut bergelora berikutan Taufan Rammasun yang dikesan kira-kira 632 kilometer ke Timur Laut Pitas, Kota Marudu, Sabah pukul 5 pagi Rabu dijangka berterusan sepanjang hari.

**Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM)** dalam satu kenyataan berkata taufan berkenaan dikesan pada Latitud 14.1 U dan Longitud 121.1 T dan bergerak ke arah Barat Laut dengan kelajuan 30 kilometer sejam.

Sehubungan itu, angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak setinggi 3.5 meter akan melanda kawasan perairan Sabah (Kudat dan Pantai Barat) sepanjang hari.

Selain itu, angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam turut dijangka melanda kawasan perairan Sulu, Palawan dan Reef North sehingga Jumaat ini manakala Phuket sehingga Isnin depan.

JMM memberitahu keadaan angin kencang dan laut bergelora itu adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

-- BERNAMA